



27 DEC, 2024

Program GET diteruskan, kadar premium kekal

Sinar Harian, Malaysia



Program GET diteruskan, kadar premium kekal

SHAH ALAM - Kadar premium Tarif Elektrik Hijau (GET) akan dikekalkan pada tahun depan dengan penambahbaikan termasuk pembukaan langganan jangka masa panjang sehingga 2027.

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) berkata, penawaran baharu itu akan memberikan kepastian dalam perancangan langganan bekalan elektrik hijau oleh syarikat korporat dan industri.

Ujarnya, GET diteruskan pada 2025 melalui tawaran kuota sekurang-kurangnya 6,600GWj dengan kadar premium sama iaitu 10sen/kWj untuk peng-

guna voltan rendah dan 20sen/kWj bagi pengguna voltan sederhana serta tinggi.

"GET diperkenalkan pada 2021 merupakan antara inisiatif strategik kerajaan menawarkan bekalan elektrik yang dijana daripada sumber tenaga boleh baharu (TBB) kepada pengguna elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang berhasrat untuk mengurangkan jejak karbon," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Tambah Petra, kerajaan memutuskan bahawa pengguna yang melanggan GET 2025 tidak akan dikenakan caj Ketidakeimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT).

"Kadar premium GET bagi 2025 ditetapkan pada kadar 10sen/kWj bagi pengguna kediaman dan pengguna bukan kediaman voltan rendah (tarif Perdagangan B, Perindustrian D, Perlombongan F, Pertanian Spesifik H serta Lampu Jalan G & G1).

"20sen/kWj bagi pengguna bukan kediaman voltan sederhana dan tinggi (tarif Perdagangan C1, C2, C3 & C4, Perindustrian E1, E2 & E3, Perlombongan F1 & F2 serta Pertanian Spesifik H1 & H2)," ujarnya.

Menurut kementerian itu, langganan boleh dilakukan pada 1 Mac tahun depan

melalui portal myTNB.

"Pembaharuan langganan GET adalah secara automatik berdasarkan tempoh langganan asal selepas *lock in period* tamat sekiranya tiada pemberhentian langganan dilakukan oleh pengguna.

"Selain itu, opsyen baharu tawaran langganan GET jangka panjang sehingga tahun 2027 disediakan dengan kadar premium yang lebih rendah untuk kediaman dan bukan kediaman voltan rendah, sederhana dan tinggi," ulasnya.

Maklumat lanjut mengenai program tersebut boleh didapati di laman sesawang rasmi TNB.